# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 23 MAC 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3.<br>4.<br><br>5. | MANFAAT SMART SBB LEBIH BAIK, PENGURUSAN EFISIEN, NASIONAL, BH -22<br>SMART SBB BANTU TINGKAT PENGELUARAN PADI, BERAS - KIANDEE, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE<br>SMART SBB BERJAYA CATAT MANFAAT LEBIH BAIK - RONALD, BH -ONLINE<br>ISU BEKALAN AIR PULAU PINANG, PUSAT HARAP NEGERI TERLIBAT CAPAI PERSEFAHAMAN TERBAIK, UM -ONLINE<br>TIGA NEGERI PERLU SELESAI SEGERA ISU AIR, NEGARA, KOSMO -7 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 6.<br>7.<br>8. | WUJUDKAN SEMULA PEMASIR TUNTUNG BERLESEN, DALAM NEGERI, UM -31<br>TAK JEJAS 21 PEMAJAK, LOKAL, HM -16<br>PENDAPATAN PEMAJAK TIDAK TERJEJAS, NEGERI TERENGGANU, SH -28 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 9. | LKIM PERLU TAMBAH BAIK SOP BAYARAN ELAUN SARA HIDUP NELAYAN, LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA, SH -10 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 10. | KEWANGAN AGROBANK STABIL, MAMPU BAYAR DIVIDEN KEPADA KERAJAAN, BISNES, SH -29 | AGROBANK |
| 11.<br><br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br><br>16.<br>17.<br>18.<br>19. | NOT SO SWEET NEWS ABOUT HARUMANIS MANGOES, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3<br>HARGA HARUMANIS MENINGKAT 10 PERATUS, LOKAL, HM -4<br>HARGA HARUMANIS NAIK 10 PERATUS, NASIONAL, BH -34<br>HARGA HARUMANIS NAIK 10 PERATUS, NEGERI PERLIS, SH -26<br>ASNAF RAIH PENDAPATAN LUMAYAN TANAM CILI FERTIGASI, NEGERI PERAK, SH -26<br>UBAH, SEMAK DASAR ELAK KRISIS MAKANAN, DALAM NEGERI, UM -13<br>5,000 POKOK PISANG ROSAK DIBADAI RIBUT, DALAM NEGERI, UM -31<br>POKOK PISANG MUSNAH DIBADAI RIBUT, NEGARA, KOSMO -17<br>USAHAWAN EMPOWER ECER-MEKAR LIPIS CEBURI FERTIGASI PINTAR PERTANIAN, NASIONAL, BH -36 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 22 |

Sidang Dewan Rakyat

# Manfaat SMART SBB lebih baik, pengurusan efisien

## Konsep bantu tingkatkan pendapatan pesawah

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan konsep SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) mencatatkan manfaat lebih baik, dengan pengurusan lebih efisien yang bermatlamat mempertingkat produktiviti dan pengeluaran padi serta beras negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata ia turut membantu meningkatkan pendapatan pesawah, selain mengurangkan kebergantungan pada orang tengah.

Beliau berkata, pelaksanaan program itu membabitkan persetujuan bersama antara pesawah atau pengusaha dengan syarikat peneraju, berteraskan pendekatan sewaan dan pertanian kontrak yang mana hak pesawah masih kekal serta tidak terjejas.

"SMART SBB sedang dalam pelaksanaan permulaan. Sepanjang musim 2021, ia sudah mencatat manfaat yang lebih baik menerusi pengurusan sawah bawah SMART SBB, dengan cara konvensional yang dilakukan oleh pesawah sendiri.

"Justeru, jika dikatakan ia gagal, saya katakan bahawa ia menunjukkan manfaat yang lebih baik menerusi SMART SBB dengan pengurusan lebih efisien seperti pengurusan dilakukan syarikat swasta yang terbabit dalam penanaman padi di negara kita," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.



Ronald Kiandee

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr Hasan Bahrom (PH-Tampin) sama ada projek SMART SBB pernah mengalami kegagalan kerana terdapat masalah perparitan di sawah yang tidak diselenggarakan dengan baik.

Mengulas lanjut, Ronald menjelaskan buat masa ini, SMART SBB dilaksanakan di jelapang padi sedia ada.

"Saya tahu ada beberapa kawasan di luar jelapang padi yang berminat dengan SMART SBB. Di luar kawasan jelapang padi, tentu ada kekurangan kemudahan, saliran, perparitan dan sebagainya. Yang itu akan ditangani secara berasingan oleh kementerian.

"Kita akan memulakan SMART SBB dengan menumpukan di kawasan jelapang padi yang mempunyai infrastruktur asas sedia ada bagi merealisasikan konsep dan kebaikannya dalam kalangan pesawah kita," katanya.

Ronald memaklumkan setakat ini, terdapat penyertaan 19 syarikat peneraju menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan kerajaan yang menyasarkan pembangunan kawasan penanaman padi seluas 300,000 hektar secara berperingkat.

Menerusi SMART SBB, katanya, pesawah atau pengusaha tidak perlu mengeluarkan wang atau berhutang dengan orang tengah untuk menguruskan dana kerana modal pengurusan serta penanaman ditanggung sepenuhnya oleh syarikat peneraju.

Justeru, beliau tidak nampak sebab pesawah perlu menolak suatu konsep baharu yang menguntungkan mereka.

Bagaimanapun, Ronald menjelaskan penyertaan dalam program itu bukan paksaan, sebaliknya lebih kepada sukarela.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh (BERSATU-Sabak Bernam) mengenai punca kemerosotan pengeluaran padi negara pula, beliau berkata, ia membabitkan pelbagai faktor.

Secara umum, katanya, industri padi beras negara terdedah ancaman perubahan cuaca, penyakit, bencana, kemarau dan pengurusan tidak efisien.

Namun, Ronald berkata, hasil pelaksanaan SMART SBB sepanjang tahun lalu menampakkan pengurusan lebih baik apabila hasil padi dapat ditingkatkan.

"Pada musim lalu, memang ada direkodkan beberapa kawasan di Selangor dijangkiti penyakit. Antara penyakit terbabit ialah ulat lipat daun, hawar, reput tangkai, bena perang, ulat pengorek batang dan pelbagai lagi. Ini merupakan penyakit yang didapati menyerang kawasan padi di Selangor, Perak dan beberapa kawasan lain," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | MALAYSIA GAZETTE | ONLINE | |

# SMART SBB bantu tingkat pengeluaran padi, beras – Kiandee



Ronald Kiandee

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melaksanakan SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) dalam usaha meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi dan beras negara.

Program itu antara inisiatif baharu kerajaan dengan melibatkan pihak syarikat sebagai peneraju bagi membantu meningkatkan pendapatan pesawah selain mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, pelaksanaan program itu melibatkan persetujuan bersama antara pesawah dan pengusaha dengan syarikat peneraju berteraskan kepada pendekatan sewaan serta pertanian kontrak yang mana hak pesawah masih kekal dan tidak terjejas.

"Setakat ini terdapat penyertaan 19 syarikat peneraju yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan kerajaan dan menyasarkan pembangunan kawasan penanaman padi seluas 300,000 hektar secara berperingkat.

"Terbaharu adalah MoU yang ditandatangani MAFI bersama Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)," katanya pada sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Parlimen pagi ini.

Menurut Kiandee, sehingga Disember 2021, pelaksanaan SMART SBB di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor melibatkan kawasan seluas 1,274 hektar dengan bilangan pesawah 881 orang.

Jumlah pengeluaran padi bagi IADA Barat Laut Selangor pada tahun 2021, katanya adalah sebanyak 6,325 tan metrik dengan purata hasil 4.99 tan metrik per hektar.

"Program ini yang dilaksanakan di Sekinchan, Selangor pula melibatkan kawasan seluas 100 hektar telah meningkatkan hasil padi daripada 2.5 tan metrik sehektar kepada lapan hingga 10 tan metrik sehektar bagi musim 2/2021 dan musim 1/2022.

"Bagi kawasan Parlimen Sungai Besar dan Parlimen Sabak Bernam untuk musim 1/2021, kawasan seluas 159.8 hektar telah dilaksanakan melibatkan seramai 117 orang pesawah.

"Jumlah pengeluaran padi adalah sebanyak 610.8 tan metrik dengan purata hasil sebanyak 3.5 sehingga 4.4 tan metrik per hektar," katanya.

Bagi musim 2/2021, kawasan seluas 316.2 hektar telah diusahakan melibatkan seramai 170 pesawah.

Jumlah pengeluaran padi meningkat sebanyak 285 peratus kepada 2,357 tan metrik dan purata hasil padi bagi musim 2/2021 telah meningkat sebanyak 32 peratus kepada 3.5 hingga 6.4 tan metrik per hektar berbanding musim sebelumnya.

Justeru, kata beliau, dengan purata hasil diperoleh sepanjang musim 1/2021 dan musim 2/2021, membuktikan pelaksanaan program rintis SMART SBB di Selangor telah membantu meningkatkan produktiviti padi tempatan.

Pada masa sama, kata Kiandee, dapat menangani masalah kemerosotan hasil tanaman padi di kawasan berkenaan. – MalaysiaGazette

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# SMART SSB berjaya catat manfaat lebih baik – Ronald




KUALA LUMPUR: Pelaksanaan konsep SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) mencatatkan manfaat lebih baik, dengan pengurusan lebih efisien yang bermatlamat mempertingkat produktiviti dan pengeluaran padi serta beras negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata ia turut membantu meningkatkan pendapatan pesawah, selain mengurangkan kebergantungan pada orang tengah.

Beliau berkata, pelaksanaan program itu membabitkan persetujuan bersama antara pesawah atau pengusaha dengan syarikat peneraju, berteraskan pendekatan sewaan dan pertanian kontrak yang mana hak pesawah masih kekal serta tidak terjejas.

"SMART SBB sedang dalam pelaksanaan permulaan. Sepanjang musim 2021, ia telah mencatat manfaat yang lebih baik menerusi pengurusan sawah bawah SMART SBB, dengan cara konvensional yang dilakukan oleh pesawah sendiri.

"Justeru kalau dikatakan ia gagal, saya katakan bahawa ia menunjukkan manfaat yang lebih baik menerusi SMART SBB dengan pengurusan lebih efisien seperti pengurusan dilakukan syarikat swasta yang terbabit dalam penanaman padi di negara kita," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Dr Hasan Bahrom (PH-Tampin) sama ada projek SMART SBB pernah mengalami kegagalan kerana terdapat masalah perparitan di sawah yang tidak diselenggarakan dengan baik.

Mengulas lanjut, Ronald menjelaskan buat masa ini, SMART SBB dilaksanakan di jelapang padi sedia ada.

"Saya tahu ada beberapa kawasan di luar jelapang padi yang berminat dengan SMART SBB. Di luar kawasan jelapang padi, tentu ada kekurangan kemudahan, saliran, perparitan dan sebagainya. Yang itu akan ditangani secara berasingan oleh kementerian.

"Kita akan memulakan SMART SBB dengan menumpukan di kawasan jelapang padi yang mempunyai infrastruktur asas sedia ada bagi merealisasikan konsep dan kebaikannya dalam kalangan pesawah kita," katanya.

Ronald memaklumkan setakat ini, terdapat penyertaan 19 syarikat peneraju menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan kerajaan yang menyasarkan pembangunan kawasan penanaman padi seluas 300,000 hektar secara berperingkat.

Menerusi SMART SBB, katanya, pesawah atau pengusaha tidak perlu mengeluarkan wang atau berhutang dengan orang tengah untuk menguruskan dana kerana modal pengurusan serta penanaman ditanggung sepenuhnya oleh syarikat peneraju.

Justeru, beliau tidak nampak sebab pesawah perlu menolak suatu konsep baharu yang menguntungkan mereka.

Bagaimanapun, Ronald menjelaskan penyertaan dalam program itu bukan paksaan, sebaliknya lebih kepada sukarela.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh (BERSATU-Sabak Bernam) mengenai punca kemerosotan pengeluaran padi negara pula, beliau berkata, ia membabitkan pelbagai faktor.

Secara umum, katanya, industri padi beras negara terdedah ancaman perubahan cuaca, penyakit, bencana, kemarau dan pengurusan tidak efisien.

Namun, Ronald berkata, hasil pelaksanaan SMART SBB sepanjang tahun lalu menampakkan pengurusan lebih baik apabila hasil padi dapat ditingkatkan.

"Pada musim lalu, memang ada direkodkan beberapa kawasan di Selangor dijangkiti penyakit. Antara penyakit terbabit ialah ulat lipat daun, hawar, reput tangkai, bena perang, ulat pengorek batang dan pelbagai lagi. Ini merupakan penyakit yang didapati menyerang kawasan padi di Selangor, Perak dan beberapa kawasan lain.

"Langkah yang diambil kementerian ialah mengawal perebakan ataupun penularan penyakit itu ke kawasan lebih luas. Ia termasuk kerjasama antara kementerian dengan kerajaan negeri bagi membendung serangan penyakit," katanya.



Foto hiasan

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Isu bekalan air Pulau Pinang, Pusat harap negeri terlibat capai persefahaman terbaik




AHMAD Hamzah (dua dari kanan) ketika merasmikan Persidangan Tahunan Ke-24 Persatuan Kebangsaan Bagi Pengairan dan Saliran Malaysia (Manco) di Georgetown, Pulau Pinang hari ini.

GEORGETOWN: Kerajaan Pusat berharap Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Kedah dan Perak dapat mencari penyelesaian terbaik berhubung isu pembekalan air melibatkan ketiga-tiga negeri tersebut.

Ini kerana menurut Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, sumber air merupakan satu keperluan bukan hanya kepada manusia malah penting untuk sektor pertanian.

Jelasnya, sektor air dan tanah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sekali gus berharap pihak terlibat dalam mencari penyelesaian lebih konkrit dan bermakna.

"Di pihak kementerian, kita mengalu-alukan persefahaman antara kerajaan negeri yang terlibat untuk untuk menyelesaikan isu terbabit demi kemudahan penduduk serta tanaman dan kita yakin ia akan dicapai seterusnya memberi manfaat kepada semua," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Persidangan Tahunan Ke-24 Persatuan Kebangsaan Bagi Pengairan dan Saliran Malaysia (Manco) di sini hari ini.

Ahmad ditanya berhubung risiko kepada sektor pertanian di Pulau Pinang selepas usaha kerajaan negeri itu mendapatkan bekalan air mentah dari Perak melalui Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) tidak dapat dipenuhi oleh Kerajaan Negeri Perak.

Dalam maklum balasnya sebelum ini, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, negeri itu khususnya di bahagian utara juga menghadapi masalah kekurangan bekalan air mentah untuk kegunaan pelbagai sektor seperti industri, komersial, pertanian dan kediaman penduduk.

Dalam masa sama, Pulau Pinang juga berdepan tekanan daripada Kerajaan Negeri Kedah yang berterusan menuntut bayaran sumber air yang diambil negeri itu dari Sungai Muda.

Sementara itu, ditanya mengenai situasi bekalan makanan negara khususnya menjelang sambutan Ramadan dan musim perayaan tidak lama lagi, Ahmad berkata, bekalan tersebut ketika ini adalah mencukupi dan stabil.

Malah ujar beliau, pihaknya juga sentiasa membuat unjuran berkenaan bekalan makanan itu sebagai contoh bekalan ayam segar yang mana akan ditambah di pasaran pada bulan berikutnya sekiranya terdapat laporan berlakunya kekurangan. – UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | KOSMO | NEGARA | 7 |



**AHMAD HAMZAH (dua dari kanan) melawat pameran selepas merasmikan Persidangan Tahunan Ke-24 Persatuan Kebangsaan Bagi Pengairan dan Saliran Malaysia (Manco) di George Town semalam.**

P. Pinang, Kedah dan Perak disaran capai kata sepakat

# Tiga negeri perlu selesai segera isu air

**Oleh SYALMIZI HAMID**

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang, Kedah dan Perak diharap dapat mencari penyelesaian terbaik berhubung isu pembekalan air bagi kesejahteraan rakyat dan bidang pertanian di kawasan berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, sumber air adalah satu keperluan besar bukan sahaja kepada manusia, bahkan penting bagi sektor pertanian.

Jelasnya, sektor air dan tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan berharap pihak terlibat mencari penyelesaian lebih konkrit dan bermakna.

"Di pihak kementerian, kita





**KERATAN *Kosmo!* 5 Mac 2022.**

mengalu-alukan persefahaman antara kerajaan negeri yang terlibat untuk menyelesaikan isu terbabit demi kemudahan penduduk serta tanaman.

"Kita yakin ia akan dicapai seterusnya memberi manfaat kepada semua," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Tahunan Ke-24 Persatuan Kebangsaan Bagi Pengairan dan Saliran Malaysia (Manco) di sini semalam.

Ahmad ditanya berhubung risiko kepada sektor pertanian di negeri itu selepas usaha kerajaan negeri mendapatkan bekalan air mentah dari Perak melalui Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) tidak dapat dipenuhi oleh Kerajaan Negeri Perak.

Dalam maklum balasnya sebelum ini, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, negeri itu khususnya di bahagian utara juga menghadapi masalah kekurangan bekalan air mentah untuk kegunaan pelbagai sektor seperti industri, komersial, pertanian dan kediaman penduduk.

Dalam masa sama, Pulau Pinang juga berdepan tekanan daripada kerajaan negeri Kedah yang berterusan menuntut bayaran sumber air yang diambil negeri itu dari Sungai Muda.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

# Wujudkan semula pemasir tuntung berlesen

**PARIT:** Kekurangan pendaratan tuntung di tebing berpasir Sungai Perak di sekitar Bota di sini boleh diatasi dengan mewujudkan semula pemasir, iaitu individu yang diberi kebenaran secara berlesen membina tempat pendaratan haiwan itu untuk bertelur.

Seorang bekas pemasir tuntung, Junit Yeop Ahmad, 69, berkata, jika pemasir diberikan lesen, ini mungkin dapat menambah populasi tuntung di Sungai Perak.

Menurutnya, populasi tuntung semakin berkurangan sejak 90-an akibat pelbagai faktor namun ia boleh diatasi dengan menggunakan khidmat pemasir untuk membiak haiwan tersebut.

"Saya masih ingat sekitar 70-an bagaimana meriahnya suasana di Bota apabila musim tuntung naik untuk bertelur di tebing berpasir Sungai Perak, kami pemasir-pemasir berlesen tidak cukup tangan menguruskan haiwan ini.

"Orang ramai akan datang melihat dari atas jambatan Bota selain turut melemparkan pisang untuk diberi makan kepada tuntung yang datang untuk bertelur," katanya kepada *Utusan Malaysia.*

Menurutnya, suasana bertambah meriah apabila orang ramai hadir melihat Sultan Perak ketika itu, Almarhum Sultan Idris Shah II yang turut bersama melihat tuntung bertelur.

Junit berkata, tuntung di Sungai Perak dianggap unik kerana ia hanya akan bertelur di kawasan Sungai Perak di Bota sahaja walaupun haiwan itu mencari makan di Hilir Perak atau di Kuala Kangsar.

"Berdasarkan cerita turun-temurun, tuntung dibawa ke Sungai Perak oleh salah seorang Sultan Perak dan dikatakan baginda telah menitahkan 'carilah makan di mana-mana namun apabil bertelur pulanglah ke Bota'," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |



BERKUAT kuasa Jun depan, kerajaan Terengganu mengharamkan penjualan telur penyu termasuk daripada spesies penyu belimbing.

PINDAAN ENAKMEN PENYU 1951

# Tak jejas 21 pemajak

Oleh Baharom Bakar
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Pindaan Enakmen Penyu 1951 yang bakal berkuat kuasa Jun depan di negeri ini tidak menjejaskan 21 pemajak telur penyu, kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri Dr Azman Ibrahim.

Ini kerana, beliau berkata, kerajaan negeri akan membeli semua telur penyu daripada pemajak terbabit untuk ditetaskan.

Katanya, kos pembelian telur penyu daripada pemajak untuk ditetaskan dijangka meningkat sehingga RM300,000.

"Kerajaan negeri sudah melakukan libat urus dengan peniaga telur dan mereka mengakui penjualan telur penyu bukanlah perniagaan utama.

"Berkuat kuasa Jun depan, kerajaan negeri mengharamkan semua penjualan telur termasuk penyu spesies belimbing," katanya kepada media pada persidangan Dewan Undangan negeri (Dun) di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Jabi menjawab soalan Adun Rantau Abang Alias Harun, mengenai nasib pemajak telur penyu di negeri ini selepas penguatkuasaan enakmen itu.

Mengulas mengenai kali terakhir pendaratan penyu belimbing di pantai di negeri ini, Dr Azman berkata, kali terakhir spesies penyu itu mendarat pada 2017.

Mengulas lanjut, Dr Azman berkata, telur penyu yang dibeli daripada pemajak akan ditetaskan menggunakan kaedah pemeraman di tempat penyu bertelur serta di Pusat Konservasi dan Pemuliharaan Penyu.

"Selepas enakmen itu dikuatkuasakan, kita jangka dapat melepaskan antara 400,000 dan 500,000 anak penyu setahun.

"Kajian yang dilakukan mendapati daripada 1,000 anak penyu dilepaskan, hanya seekor akan kembali mendarat di pantai di negeri ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/3/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI TERENGGANU | 28 |

# Pendapatan pemajak tidak terjejas

Kerajaan Terengganu jamin beli telur penyu susulan pengharaman jualan telur itu bermula 1 Jun depan

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU



Pengharaman jualan semua jenis telur penyu akan dikuatkuasakan pada 1 Jun depan.

SIDANG DUN TERENGGANU

Pengharaman sepenuhnya penjualan semua jenis telur penyu menerusi Enakmen Penyu 1951 (Pindaan 2021) yang akan dikuatkuasakan bermula 1 Jun depan tidak akan menjejaskan pendapatan kumpulan pemajak.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Terengganu akan membeli telur daripada pemajak bagi tujuan penetasan dan pemuliharaan penyu.

Menurutnya, selain kerajaan, terdapat juga badan bukan kerajaan (NGO) yang akan membeli telur penyu tersebut bagi tujuan penetasan.

"Pemajak tetap tidak hilang pendapatan cuma yang membezakan ialah telur penyu yang dikutip itu tidak dibenarkan lagi dijual di pasaran terbuka dan kerajaan melalui Jabatan Perikanan akan beli telur penyu tersebut.

"Kerajaan juga akan menambah peruntukan kepada RM900,000 setahun bagi tujuan pembelian telur penyu daripada pemajak berbanding peruntukan kira-kira RM600,000 sebelum ini," katanya pada sidang akhbar selepas persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini pada Selasa.

Dalam perkembangan sama, Azman berkata, pengharaman jualan telur penyu tidak menjejaskan pendapatan peniaga kerana ia merupakan pendapatan sampingan.

"Kerajaan telah membuat sesi libat urus secara tidak langsung bersama mereka yang terlibat dalam perniagaan telur penyu dan telah mengenal pasti ia tidak menjejaskan pendapatan mereka," katanya.

Dalam pada itu, Azman berkata, beliau tidak menolak kemungkinan telur penyu dipasarkan melalui pasaran gelap.

Jelasnya, tindakan tegas akan diambil bagi mereka yang didapati terlibat dalam aktiviti tersebut.

Pada 15 November tahun lalu, kerajaan negeri meluluskan Pindaan Enakmen Penyu 1951 yang sekali gus mengharamkan penjualan telur semua spesies penyu termasuk tuntung laut.

Mana-mana individu yang dikesan melakukan kesalahan berkenaan boleh didenda antara RM50,000 hingga RM250,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya sekali.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/3/2022 | SINAR HARIAN | LAPORAN AUDIT KETUA NEGARA | 10 |

# LKIM perlu tambah baik SOP bayaran elaun sara hidup nelayan

**KUALA LUMPUR** - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) disyorkan menambah baik prosedur operasi standard (SOP) berkaitan bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) dan Insentif Pendaratan Ikan dengan memperhalusi elemen semakan kelayakan dan mekanisme pemantauan lebih berkesan.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 Siri 1, ia bagi memastikan bayaran Program Insentif Hasil Tangkapan Nelayan (IHTN) dapat dilaksanakan dengan teratur.

"Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, terdapat kelemahan dalam bayaran IHTN kepada nelayan oleh LKIM. Bayaran ESHN berjumlah RM24,571 dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia.

"Di samping itu, bayaran Insentif Pendaratan Ikan berjumlah RM21,392 dibuat kepada penerima yang telah meninggal dunia serta pemilik vesel yang tidak mengisytiharkan hasil tangkapan ikan telah menerima Skim Subsidi Diesel dan Petrol berjumlah RM2.12 juta," menurut laporan itu.

Turut disyorkan adalah untuk LKIM menguatkuasakan tindakan senarai hitam dan sekatan bekalan minyak Skim Subsidi Diesel dan Petrol terhadap pemilik vesel yang gagal atau enggan mengisytiharkan hasil tangkapan ikan.

Laporan berkenaan juga mengesyorkan supaya penambahbaikan sistem yang terlibat dilaksanakan dengan mempunyai ciri keselamatan, boleh dipercayai dan memiliki pelan kesinambungan perkhidmatan. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | SINAR HARIAN | BISNES | 29 |

# Kewangan Agrobank stabil, mampu bayar dividen kepada kerajaan

**KUALA LUMPUR-** Kedudukan kewangan Agrobank yang merupakan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) bagi 2018 hingga 2021 adalah stabil dan berkemampuan membayar dividen kepada kerajaan setiap tahun.

Menurut Jabatan Audit, sumber dana pendeposit yang digunakan bagi tujuan pembiayaan telah menjana keuntungan sebanyak 55.9 peratus daripada keseluruhan pendapatan Agrobank pada 2020.

"Sumber dana daripada geran dan pembiayaan kerajaan telah digunakan mengikut tujuan," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negara 2020 Siri 1 yang dikeluarkan hari ini.

Laporan itu juga menyatakan Agrobank telah mencapai objektif penubuhannya melalui aktiviti pembiayaan bagi pembangunan sektor pertanian yang dimandatkan.

Katanya, pencapaian output petunjuk prestasi utama (KPI) telah melebihi tahap minimum 80 peratus yang ditetapkan Menteri Kewangan (Diperbadankan) iaitu di antara 93 peratus hingga 98.6 peratus.

Namun, sumbangan pembiayaan dimandatkan yang direkodkan melebihi 80 peratus berbanding sasaran 70 peratus mengambil kira pembiayaan peribadi sebenarnya tidak menjelaskan pembiayaan yang dibuat bagi tujuan pertanian.

Pembiayaan bagi pembelian tanah yang tidak diusahakan berkaitan dengan aktiviti pertanian juga tidak menyumbang kepada sektor pertanian negara, katanya.

Nisbah pembiayaan terjejas kasar menunjukkan peningkatan setiap tahun. Kadar pembiayaan terjejas produk Agrocash yang rendah memberi impak kepada keseluruhan pembiayaan.

Oleh itu, Jabatan Audit mengesyorkan Agrobank mengkaji serta menilai semula objektif pembiayaan peribadi supaya pembiayaan ini dapat menyumbang kepada kemajuan sektor pertanian.- *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/3/2022 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 3 |

# Not-so-sweet news about Harumanis mangoes

**KANGAR:** Unpredictable weather conditions and the spike in production cost have caused the prices of Harumanis mangoes to rise by 10% compared with the previous season.

State Agriculture and Agro-Based Committee chairman Nurulhisham Yaakob said the state government proposed that the Premium Grade A Harumanis mangoes be sold at RM35 per kg, Premium B (RM30 per kg) and Grade C (RM15-RM25 per kg).

"A box of 3kg of Premium Grade A Harumanis can also be purchased at RM110 while a box of 5kg is sold at RM185," he said.

"The Premium Grade B Harumanis weighing 3kg is sold at RM95 and a box of 5kg will be priced at RM160," he said yesterday.

Nurulhisham said uncertain weather patterns had caused many Harumanis flower buds to fall and yields to drop.

"The spike in prices of fertilisers and pesticides also contributed to the higher Harumanis mango prices," he said.

Nurulhisham said the increase in the prices of the agricultural product is inevitable to ensure mango farmers do not suffer huge losses due to the hike in production cost. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 4 |

# Harga harumanis meningkat 10 peratus

**Kangar:** Faktor cuaca yang tidak menentu dan kenaikan kos pertanian menyebabkan harga mangga harumanis meningkat sebanyak 10 peratus berbanding musim lalu.

Exco Pertanian dan Asas Tani Nurulhisham Yaakob berkata, kerajaan negeri mencadangkan agar harumanis gred premium A dijual dengan harga RM35 sekilogram, Premium B (RM30) dan Gred C (RM25-RM15) sekilogram.

"Orang ramai juga boleh membeli Harumanis secara pakej iaitu RM110 sekotak dengan berat tiga kilogram bagi premium A dan RM185 bagi berat lima kilogram.

"Bagi gred premium B, sekotak harumanis dengan berat tiga kilogram dijual pada harga RM95 dan RM160 bagi berat lima kilogram," katanya.

Beliau berkata, keadaan cuaca panas dan hujan yang tidak menentu sejak kebelakangan ini menyebabkan banyak putik mangga harumanis gugur dan hasil tuian menurun.

"Selain itu, kos tanaman seperti baja dan racun meningkat kepada RM4 dan RM3 menyebabkan harga mangga Harumanis terpaksa dinaikan sekitar 10 peratus," katanya.

Katanya, kenaikan harga ini terpaksa dibuat agar pengusaha mangga harumanis tidak mengalami kerugian besar apabila kos pertanian seperti baja, racun dan upah meningkat sekitar RM3 hingga RM4.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 34 |

# Harga Harumanis naik 10 peratus

## Faktor cuaca, kos pertanian meningkat jadi punca

**Kangar:** Faktor cuaca yang tidak menentu dan kenaikan kos pertanian menyebabkan harga mangga Harumanis meningkat sebanyak 10 peratus, berbanding musim lalu.

EXCO Pertanian dan Asas Tani, Nurulhisham Yaakob, berkata kerajaan negeri mencadangkan Harumanis gred premium A dijual dengan harga RM35 sekilogram (kg), Premium B (RM30kg) dan Gred C (RM25-RM15kg).

"Orang ramai juga boleh membeli Harumanis secara pakej iaitu RM110 sekotak dengan berat tiga kg bagi premium A dan RM185 bagi berat lima kg.

"Bagi gred premium B, sekotak Harumanis dengan berat tiga kg dijual pada harga RM95 dan RM160 bagi berat lima kg," katanya kepada *BERNAMA* semalam.

Beliau berkata, keadaan cuaca panas dan hujan yang tidak menentu sejak kebelakangan ini menyebabkan banyak putik mangga Harumanis gugur dan hasil tuaian menurun.

"Selain itu, kos tanaman seperti baja dan racun meningkat kepada RM4 dan RM3 menyebabkan harga mangga Harumanis terpaksa dinaikkan sekitar 10 peratus," katanya.



*Nurulhisham Yaakob*

Nurulhisham berkata, kenaikan harga hasil pertanian itu terpaksa dibuat supaya pengusaha mangga Harumanis tidak mengalami kerugian besar apabila kos pertanian seperti baja, racun dan upah meningkat sekitar RM3 hingga RM4.

"Pendekatan yang kita ambil adalah 'situasi menang-menang' iaitu pengusaha dapat mengurangkan kerugian dan kenaikan harga tidak membebankan pengguna," katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Empat berkata, musim mangga itu agak panjang berbanding sebelum ini iaitu selama empat bulan bermula April hingga Julai nanti.

"Dapat dilihat terdapat pokok yang baru mengeluarkan bunga dan ini memberi ruang masa yang panjang kepada peminat Harumanis menikmati buah itu pada tahun ini," katanya.



*Kos baja dan racun meningkat antara faktor harga Harumanis meningkat.*
(Foto hiasan)

Sementara itu, Nurulhisham berkata, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan untuk merasmikan pelancaran Festival Mangga Harumanis Perlis di Pusat Kecemerlangan Harumanis, Bukit Bintang pada 28 Mac ini.

Justeru, beliau menasihati pengusaha mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Negeri (JPN) Perlis bagi menjaga kualiti mangga Harumanis yang menjadi produk kebanggaan Perlis.

"Peminat Harumanis pula, bagi mengelak daripada tertipu, boleh merujuk laman sosial JPN Perlis sebelum membuat pembelian bagi mengenali bentuk mangga Harumanis," katanya.

BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI PERLIS/ PERAK | 26 |

# Harga harumanis naik 10 peratus

Faktor cuaca dan kos pertanian punca kenaikan tersebut

**KANGAR**

Faktor cuaca yang tidak menentu dan kenaikan kos pertanian menyebabkan harga mangga harumanis meningkat sebanyak 10 peratus berbanding musim lepas.

Exco Pertanian dan Asas Tani, Nurulhisham Yaakob berkata, kerajaan negeri mencadangkan agar harumanis gred premium A dijual dengan harga RM35 sekilogram, Premium B (RM30) dan Gred C (RM25-RM15) sekilogram.

"Orang ramai juga boleh membeli harumanis secara pakej iaitu RM110 sekotak dengan berat tiga kilogram bagi premium A dan RM185 bagi berat lima kilogram.

"Bagi gred premium B, sekotak harumanis dengan berat tiga kilogram dijual pada harga RM95 dan RM160 bagi berat lima kilogram," katanya pada Selasa.

Beliau berkata, keadaan cuaca panas dan hujan yang tidak menentu sejak kebelakangan ini menyebabkan banyak putik mangga harumanis gugur dan hasil tuaian menurun.



NURULHISHAM

"Selain itu, kos tanaman seperti baja dan racun meningkat menyebabkan harga mangga harumanis terpaksa dinaikkan sekitar 10 peratus," jelasnya.

Nurulhisham menjelaskan, kenaikan harga hasil pertanian itu terpaksa dibuat agar pengusaha mangga harumanis tidak mengalami kerugian besar apabila kos pertanian seperti baja, racun dan upah meningkat sekitar RM3 hingga RM4.

"Pendekatan yang kita ambil adalah 'situasi menang-menang' iaitu pengusaha dapat mengurangkan kerugian dan kenaikan harga tidak membebankan pengguna," katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Empat berkata, musim mangga tersebut agak panjang berbanding sebelum ini iaitu selama empat bulan bermula April hingga Julai nanti.

"Dapat dilihat terdapat pokok yang baru mengeluarkan bunga dan ini memberi ruang masa yang panjang kepada peminat harumanis menikmati buah tersebut tahun ini," katanya.

Sementara itu, Nurulhisham berkata, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan untuk merasmikan pelancaran Festival Mangga Harumanis Perlis di Pusat Kecemerlangan Harumanis, Bukit Bintang pada 28 Mac ini.

Justeru, beliau menasihati pengusaha agar mematuhi garis panduan telah ditetapkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Perlis (JPN Perlis) bagi menjaga kualiti mangga harumanis yang menjadi produk kebanggaan Perlis.

"Peminat harumanis pula boleh merujuk laman sosial JPN Perlis sebelum membuat pembelian untuk mengenali bentuk mangga harumanis bagi mengelak daripada tertipu," katanya. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA




Harga mangga harumanis meningkat sebanyak 10 peratus tahun ini.

## Peniaga bazar Ramadan disaran guna plastik biodegradasi

**KUALA TERENGGANU** - Peniaga bazar Ramadan di Terengganu disaran menggunakan plastik mudah terurai atau biodegradasi dan mesra alam bermula tahun ini.



ALIAS

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Dr Alias Razak berkata, saranan itu sejajar dengan kempen tiada beg plastik dan pemberian penyedut minuman fasa dua bermula 2022 hingga 2025.

Menurutnya, skop pelaksanaan kempen itu kini diperluas kepada premis perniagaan lain termasuk kedai runcit, pasar basah, pasar malam dan pasar tani.

"Pelaksanaan kempen ini akan diteruskan kepada 5,342 peniaga di 63 tapak bazar Ramadan yang berdaftar di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) di Terengganu.

"Semua premis terlibat dalam pelaksanaan kempen ini perlu menyediakan alternatif lain seperti menggunakan plastik mesra alam, menggantikan penggunaan beg plastik kepada beg membeli-belah seperti *woven bag* atau hanya memberikan penyedut minuman berdasarkan permintaan, selain menggunakan penyedut minuman mesra alam," katanya kepada pemberita di sini pada Selasa.

Jelas Alias, peniaga bazar boleh mengenakan caj pada harga berpatutan kepada pelanggan bagi penggunaan plastik mesra alam yang disediakan.

Pada masa sama, Alias turut menyarankan supaya pengunjung dan pembeli membawa beg atau bekas makanan sendiri dari rumah bagi meminimumkan penggunaan beg plastik.

"Pelaksanaan kempen ini melibatkan semua pihak sama ada di peringkat jabatan kerajaan, agensi swasta, pemilik premis perniagaan dan semua lapisan masyarakat," katanya.

Pelaksanaan fasa pertama kempen tiada beg plastik dilakukan pada setiap Jumaat dan Sabtu bermula 2018 hingga 2021.

Ketika itu, kempen hanya tertumpu kepada pasar raya besar, pasar raya serbaneka, kedai serbaneka, restoran makanan segera, kedai serbaneka stesen minyak, kedai rangkaian dan farmasi.

## Asnaf raih pendapatan lumayan tanam cili fertigasi

**BAGAN DATUK** - Projek cili fertigasi yang digerakkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) mampu memberikan pendapatan hasil tuaian sehingga RM2,000 kepada asnaf terlibat.

Projek yang dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan bermula April tahun lalu menyasarkan 20 asnaf terpilih dari seluruh negeri dengan kos keseluruhan RM355,000.

Seorang peserta dari Bagan Datuk, Siti Zabedah Shamsudin, 50, berkata, modal awal sebanyak RM17,750 diterima setiap peserta merangkumi set peralatan lengkap, sistem fertigasi, kursus teori dan praktikal, bimbingan serta pemantauan.

Menurut Siti Zabedah, untuk peringkat awal dia menanam 2,000 pokok cili di dalam 1,000 *polibag* dan setakat ini mampu mendapatkan hasil tuaian antara 70 hingga 200 kilogram.

"Dengan jualan kepada pemborong pada kadar RM10 sekilogram, dapatlah raih hasil jualan sekitar RM2,000 untuk digunakan sebagai perbelanjaan keluarga dan biayai persekolahan anak-anak," katanya ketika ditemui pada majlis perasmian Projek Cili Fertigasi dan Tuaian Hasil Pertama di Kampung Sungai Pergam, di sini pada Selasa.

Majlis berkenaan dirasmikan Orang Besar Jajahan Bagan Datuk, Datuk Dr Khalid Ismail dan turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Shahrul Azam Shaari.

Sementara itu, Shahrul Azam berkata, projek tersebut telah dicadangkan tahun lalu di bawah teras pertanian Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) MAIPk.



Hasil tuaian tanaman cili fertigasi yang diusahakan Siti Zabedah (depan, empat dari kanan) di Kampung Sungai Pergam, Bagan Datuk.

Katanya, daripada 20 peserta terlibat, lima merupakan asnaf dari Bagan Datuk, Manjung (3), Gerik, Selama, Kuala Kangsar, Taiping dan Seri Iskandar, masing-masing dua peserta manakala seorang peserta dari Bagan Serai dan Lenggong.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 13 |

# Ubah, semak dasar elak krisis makanan

**CAMERON HIGHLANDS:** Kerajaan perlu mengubah atau menyemak semula dasar tidak mahu membuka tanah-tanah baharu untuk tujuan pertanian bagi mengatasi krisis bekalan agro makanan menjadi parah.

Krisis agro makanan negara didakwa berlaku disebabkan oleh dasar kerajaan negeri yang tidak mahu membuka tanah-tanah baharu malah tanah-tanah terbiar tidak diusahakan sepenuhnya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia,* Setiausaha Pertubuhan Pekebun-pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong berkata, pembukaan tanah baharu untuk pertanian penting bagi meningkatkan sumber agro makanan negara termasuk sayur-sayuran yang sedang berdepan krisis kekurangan bekalan ketika ini.

Katanya, banyak negeri mempunyai tanah yang boleh dibuka untuk bidang pertanian termasuk di Cameron Highlands tapi ia 'terhalang' oleh dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan sendiri.

"Buka tanah baharu dan tanah-tanah terbiar sewakan kepada petani untuk kita usahakan sekali gus boleh meningkatkan sumber agro makanan termasuk sayur-sayuran. Daripada tanah terbiar begitu saja, apa hasil yang kita dapat?

"Di Cameron Highlands, ada kawasan-kawasan yang masih sesuai dibuka untuk pertanian tetapi dasar kerajaan di kawasan tanah tinggi ia tidak boleh sewenang-wenangnya dibuka tanah baru untuk pertanian.

"Jadi sayur-sayuran yang sepatutnya kita boleh tanam di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands seperti bawang besar, lobak, brokoli, daun saderi, cili merah semuanya diimport. Bukan sikit tapi 70 peratus sayur diimport dari luar negara," katanya di sini semalam.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan, kekurangan bekalan sayur sehingga 40 peratus ketika ini yang berlarutan lebih dua tahun sejak penularan pandemik Covid-19.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

# 5,000 pokok pisang rosak dibadai ribut



MD. Farick Omar melihat kebun pisang yang diusahakannya yang rosak akibat dilanda ribut di ZPM Lok Heng, Kota Tinggi, Johor.

**KOTA TINGGI:** Seorang pengusaha kebun pisang di Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) Lok Heng, di sini rugi RM250,000 selepas lebih 5,000 pokok pisangnya musnah akibat ribut, kelmarin.

Md. Farick Omar berkata, tanaman pisang itu diusahakan sejak lebih dua tahun lalu di tanah seluas 40 ekar.

Katanya, lebih menyedihkan apabila kebanyakan pisang berangan dan pisang tanduk ditanam itu sudah berbuah dan boleh dipetik kira-kira sebulan lagi untuk dipasarkan.

"Pokok pisang rosak seolah-olah seperti ditebang. Macam-macam kami lakukan untuk jaga kebun ini antaranya memasang pagar dan parit bagi mengelak diceroboh babi dan gajah.

"Kami tak boleh buat apa kerana ini fenomena alam. Kejadian ini merupakan kali kedua berlaku di mana kali pertama ketika kami menanam pokok nangka. Namun ketahanan pokok nangka amat kuat jadi tidak terjejas seperti pokok pisang ini," katanya ketika ditemui di kebunnya di sini.

Jelasnya, ribut yang melanda membuatkan dia perlu menyusun atur semula tanamannya untuk menyeimbangkan kembali tanaman tersebut dan pada masa sama mengharapkan pihak berkaitan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Jabatan Pertanian membantu dari segi input tanaman agar dapat meringankan beban.

"Ada kawasan yang kena ribut dan ada yang tidak, jadi kita kena susun balik sebab di sini kita guna sistem perpaipan, pokok besar dan kecil kena betulkan balik, dahulu sekata sekarang tidak seimbang bila berlaku ribut seperti ini.

"Setakat ini bagi tanaman pisang, pasarannya amat bagus. Permintaan memang sentiasa ada, bila jadi seperti ini kita bimbang pengeluaran makanan untuk negara terjejas kerana ini kawasan ZPM," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | KOSMO | NEGARA | 17 |

Pekebun tanggung rugi RM250,000, lebih 5,000 hasil tanaman rosak

# Pokok pisang musnah dibadai ribut

Oleh MASTURAH SURADI

**KOTA TINGGI** – Seorang pengusaha kebun pisang di Zon Pengeluaran Makanan (ZPM) Lok Heng di sini terpaksa menanggung kerugian RM250,000 selepas 5,000 pokok pisang yang diusahakan musnah dibadai ribut Ahad lalu.

Pengusaha tersebut, Md. Farick Omar berkata, tanaman pisang itu telah diusahakan sejak lebih dua tahun yang lalu di tanah seluas 16 hektar.

Lebih menyedihkan katanya, apabila pisang berangan dan pisang tanduk yang ditanam itu kebanyakan hanya menunggu masa untuk dipasarkan.

"Kami memang tidak sangka ribut kuat akan berlaku sehingga memusnahkan tanaman pisang.

"Macam-macam kami sudah lakukan untuk jaga kebun ini seperti memasang pagar untuk elak haiwan perosak, bina parit untuk elak gajah masuk.

"Bagaimanapun, kali ini kami tidak boleh buat apa-apa kerana ini fenomena alam. Kejadian ini merupakan kali kedua pernah berlaku di sini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, akibat kejadian itu, dia terpaksa merancang untuk membuat tanaman semula.

Tambahnya, apa yang diharapkan agar pihak Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Jabatan Pertanian dapat membantu dari segi input tanaman agar dapat meringankan beban pekebun.

"Ada kawasan yang kena ribut dan ada yang tidak, jadi kami kena susun semula sebab di sini, kami guna sistem paip, pokok besar dan kecil kena betulkan balik.

"Setakat ini, bagi tanaman pisang pasarannya amat bagus. Permintaan memang sentiasa ada, tetapi bila jadi seperti ini, kami bimbang pengeluaran makanan untuk negara turut terjejas kerana ini adalah Kawasan ZPM.

"Masa awal-awal dahulu, kami laburkan kira-kira RM600,000 modal untuk tanaman pisang, dan kini kami kerugian RM250,000. Jika pihak LPP dan Jabatan Pertanian dapat membantu, ia akan dapat kurangkan kadar kerugian untuk kami bergerak semula," katanya.



MD. FARICK melihat kebun pisangnya di ZPM Lok Heng, Kota Tinggi yang rosak akibat dilanda ribut kelmarin.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/3/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 36 |

# Usahawan empower ECER-MEKAR Lipis ceburi fertigasi pintar pertanian



*Penerangan dan demonstrasi kepada pihak Yayasan PETRONAS dan ECERDC di tapak Projek Fertigasi Sayuran Kampung Keledek, Lipis.* (Foto ihsan UMP Advanced)

**Lipis:** Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama UMP Advanced Education menganjurkan program lawatan ke tapak Projek Fertigasi Sayuran Kampung Keledek, di sini, baru-baru ini.

Projek itu membabitkan tanaman fertigasi pintar peserta Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)-Memampankan Ekonomi Asas Rakyat (MEKAR).

Seramai 15 peserta terbabit dalam projek berkenaan dan mendapat tajaan penuh daripada Yayasan PETRONAS dan ECERDC bagi mengikuti program Latihan Kemahiran dan Keusahawan empower ECER-MEKAR.

Usaha sama UMP Advanced sebagai penyedia perkhidmatan dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lipis sebagai penyedia latihan kepada peserta, menerapkan ilmu berkaitan pertanian dan membantu peserta menjadi usahawan yang lebih inovasi dan berdaya saing.

Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced, Prof Madya Dr Mohd Rusllim Mohamed, berkata program itu bertujuan memberi hebahan berkenaan impak pelaksanaan program latihan kemahiran dan keusahawanan empower ECER-MEKAR.

"Program ini berjaya melahirkan peserta yang mengusahakan projek tanaman fertigasi sayuran selepas tamat latihan enam bulan, sekali gus menjadi platform dan peluang kepada belia dan B40 menceburi bidang pertanian lebih sistematik.

"Perkembangan teknologi masa kini menghasilkan satu inovasi baharu dalam bidang pertanian di mana tanaman fertigasi pintar yang menggunakan *internet of thing* (IoT) bagi proses penjagaan tanaman mula mendapat perhatian ramai.

"Kini peserta di bawah bimbingan program empower ECER-MEKAR sendiri mengaplikasikan fertigasi pintar dalam pertanian yang diusahakannya.

"Program seperti ini amat berguna bagi membimbing dan meningkatkan kemahiran usahawan agar lebih kreatif dan inovatif dalam bidang diceburi," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Modal Insan ECERDC, Zulkifli Yaacob, berkata peserta harus mengambil peluang bagi mengubah taraf kehidupan sedia ada dengan menceburi bidang pertanian yang memberi pulangan berganda sekiranya diusahakan dengan cara yang betul.

"Melalui program ini peserta boleh mendapatkan khidmat bantuan dan nasihat melalui pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang dan sebagainya yang menyediakan pelbagai inisiatif kepada petani," katanya.

Peserta empower ECER-MEKAR Lipis, Zulqarnain Ahmad Marzuki, 47 berkata dia sudah mengusahakan projek tanaman menggunakan sistem fertigasi pintar.

Katanya, sistem yang ingin dipasang di tapak projek fertigasi sudah lama diimpikan, namun akibat kekangan ilmu pengetahuan terpaksa ditangguhkan.

"Kini dengan bimbingan dan dorongan daripada UMP Advanced dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) impian saya menjadi kenyataan.

"Tanaman terung mini yang diusahakan di tanah pusaka berkeluasan setengah ekar menjadi titik permulaan untuk menjadi usahawan moden suatu hari nanti," katanya.

Hadir sama, Penghulu Mukim Batu Yon 1, Mohd Sahlan Suran, Ketua Unit Operasi Yayasan PETRONAS, Tengku Noraida Tengku Mahmood, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Kuala Lipis, Datuk Zulkifli Othman, Ketua Jabatan Pembangunan Komuniti UMP Advanced Saharudin Ramli, Timbalan Pengurus Besar PPK Lipis, Mohamad Amran Embong dan Penolong Pegawai Pertanian, Juliah Sharif.

Pihak Yayasan PETRONAS dan ECERDC turut beramah mesra dengan peserta empower ECER-MEKAR yang sedang menjalani latihan bagi kursus seni bakeri dan pastri artisan di Pusat Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER-MEKAR Lipis.